



SIARAN MEDIA
MEDIA RELEASE

KELUARAN DALAM NEGERI KASAR (KDNK)
SUKU TAHUN PERTAMA 2026

GROSS DOMESTIC PRODUCT (GDP)
FIRST QUARTER 2026

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik
Negara Brunei Darussalam

Department of Economic Planning and Statistics
Brunei Darussalam



**SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK**


**KELUARAN DALAM NEGERI KASAR
SUKU TAHUN PERTAMA 2026**

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**PERTUMBUHAN EKONOMI MENINGKAT 0.3 PERATUS BAGI SUKU
TAHUN PERTAMA 2026**

1. Bagi suku tahun pertama (Q1) 2026, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KNDK) negara pada harga tetap mencatatkan pertumbuhan sebanyak 0.3 peratus berbanding Q1 2025. Ini adalah terutamanya didorong oleh peningkatan Sektor Minyak dan Gas sebanyak 4.1 peratus, manakala, Sektor Bukan Minyak dan Gas mencatatkan penurunan sebanyak 3.0 peratus.

**Pertumbuhan Suku Tahunan KDNK Bagi Negara Brunei Darussalam
Tahun-ke-Tahun), Q1 2025 – Q1 2026**



	Q1 2025*	Q2 2025*	Q3 2025*	Q4 2025*	Q1 2026
Sektor Minyak & Gas	-1.8	1.5	2.0	10.1	4.1
Sektor Bukan Minyak & Gas	-1.4	-0.7	-1.3	0.1	-3.0
KDNK	-1.6	0.3	0.3	4.8	0.3

**Data yang dikemaskini.*

2. Peningkatan bagi Sektor Minyak dan Gas didorong oleh subsektor Perlombongan Minyak dan Gas selaras dengan peningkatan pengeluaran minyak mentah dan gas asli berikutan operasi yang stabil serta sumbangan daripada telaga baharu. Subsektor Pembuatan Gas Cecair Asli (LNG) turut mencatatkan peningkatan selaras dengan peningkatan ketersediaan bekalan gas.
3. Sementara itu, penurunan Sektor Bukan Minyak dan Gas adalah terutamanya disumbangkan oleh penurunan subsektor-subsektor, termasuk subsektor Kewangan (-6.6 peratus), Perkhidmatan Perniagaan (-7.8 peratus), dan Pembinaan (-8.0 peratus).
4. Subsektor Kewangan mencatatkan penurunan selaras dengan pendapatan bersih yang lebih rendah berbanding tahun sebelumnya. Perkhidmatan Perniagaan turut menurun terutamanya didorong oleh penurunan bagi permintaan perkhidmatan professional berkaitan seni bina dan kejuruteraan serta ujian dan analisis teknikal. Manakala, Sektor Pembinaan mencatatkan penurunan berikutan pengurangan aktiviti pembinaan terutamanya bagi projek di bawah Skim Perumahan Negara.
5. Pada harga semasa, ekonomi pada Q1 2026 adalah sebanyak BND4,761.7 juta. Daripada jumlah KDNK tersebut, Sektor Bukan Minyak dan Gas menyumbang sebanyak 54.9 peratus, manakala Sektor Minyak dan Gas menyumbang sebanyak 45.1 peratus.
6. Mengikut aktiviti ekonomi, sumbangan utama KDNK bagi Q1 2026 adalah Sektor Industri yang menyumbang sebanyak 58.8 peratus, diikuti oleh Sektor Perkhidmatan sebanyak 40.1 peratus, dan Sektor Pertanian, Perhutanan dan Perikanan sebanyak 1.1 peratus.
7. Mengikut pendekatan perbelanjaan, Pertumbuhan KDNK didorong oleh Eksport Bersih Barangan dan Perkhidmatan sebanyak 37.6 peratus, Perbelanjaan Penggunaan Akhir Isi Rumah sebanyak 9.1 peratus, dan Pembentukan Modal Kasar (pelaburan aset fizikal) sebanyak 6.3 peratus. Manakala, Perbelanjaan Penggunaan Akhir Kerajaan menurun sebanyak 12.2 peratus.

8. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) adalah ukuran bagi jumlah nilai barangan dan perkhidmatan yang dikeluarkan dalam tempoh tertentu setelah ditolak kos barangan dan perkhidmatan yang digunakan dalam proses pengeluaran. Laporan penuh KDNK Q1 2026 boleh didapati di laman sesawang JPES melalui www.deps.gov.bn.



جائون فراتجیل ایكونومی دان سٹاتسٹیک
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS
BRUNEI DARUSSALAM

KELUARAN DALAM NEGERI KASAR (KDNK) SUKU PERTAMA 2026



PERTUMBUHAN
KDNK

0.3%

Jumlah dalam BND Juta
pada harga tetap

Q1 2025^r

4,913.5

Q1 2026


4,926.7

Jumlah dalam BND Juta
pada harga semasa

4,820.6


4,761.7

SEKTOR MINYAK & GAS



KADAR PERTUMBUHAN (%)
PADA HARGA TETAP

4.1%



AGIHAN (%) PADA HARGA SEMASA

SEKTOR BUKAN MINYAK & GAS

KADAR PERTUMBUHAN (%)
PADA HARGA TETAP

-3.0%

PENYUMBANG UTAMA SEKTOR BUKAN MINYAK & GAS



Kewangan
-6.6%



Perkhidmatan Perniagaan
-7.8%



Pembinaan
-8.0%

MENGIKUT JENIS AKTIVITI EKONOMI

KADAR PERTUMBUHAN (%)
PADA HARGA TETAP

-0.6 %



Pertanian, Perhutanan
& Perikanan

2.8 %



Industri

-3.1 %



Perkhidmatan

AGIHAN (%) PADA HARGA SEMASA

58.8%

Industri



40.1%
Perkhidmatan

1.1%

Pertanian, Perhutanan
& Perikanan



deps.gov.bn



info.statistics@jpes.gov.bn



@statistics.jpes

Tatatanda | r: semakan



MEDIA RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS


GROSS DOMESTIC PRODUCT
FIRST QUARTER 2026

BRUNEI DARUSSALAM

ECONOMIC GROWTH EXPANDED 0.3 PER CENT IN FIRST QUARTER 2026

1. *In the first quarter (Q1) 2026, Gross Domestic Product (GDP) at constant prices increased by 0.3 per cent compared to Q1 2025. This was mainly driven by the expansion of the Oil and Gas Sector by 4.1 per cent, while the Non-Oil and Gas recorded a decline by 3.0 per cent.*

Brunei Darussalam's Quarterly GDP Growth Estimates
(Year-on-Year), Q1 2025 – Q1 2026



	Q1 2025*	Q2 2025*	Q3 2025*	Q4 2025*	Q1 2026
Oil & Gas Sector	-1.8	1.5	2.0	10.1	4.1
Non-Oil & Gas Sector	-1.4	-0.7	-1.3	0.1	-3.0
GDP	-1.6	0.3	0.3	4.8	0.3

**Revised data.*

2. *The increase in the Oil and Gas Sector was driven by the Oil and Gas Mining subsector, in line with higher crude oil and natural gas production supported by stable operations and contributions from new well. The Manufacture of Liquefied Natural Gas (LNG) subsector also recorded an increase, reflecting improved gas availability.*
3. *Meanwhile, several subsectors within the Non-Oil and Gas Sector contracted, mainly driven by subsectors including Finance subsector (-6.6 per cent), Business Services (-7.8 per cent), and Construction (-8.0 per cent).*
4. *The Financial subsector recorded a decline, in line with lower net financial sector earnings compared to previous year. Business Services also decreased, mainly driven by lower demand for professional services related to architectural and engineering activities as well as technical testing and analysis. Meanwhile, the Construction sector registered a contraction following the reduced construction activities, particularly the National Housing Scheme project.*
5. *At current prices, the economy in Q1 2026 was valued at BND4,761.7 million. Of this total GDP, the Non-Oil and Gas Sector contributed 54.9 per cent, while the Oil and Gas Sector accounted for 45.1 per cent.*
6. *By economic activity, the Industry Sector is the largest contributor to GDP in Q1 2026, accounting for 58.8 per cent, followed by the Services Sector at 40.1 per cent, and the Agriculture, Forestry and Fishery Sector at 1.1 per cent.*
7. *By expenditure approach, the GDP growth was driven by Net Exports of Goods and Services increased by 37.6 per cent, Household Final Consumption Expenditure rose by 9.1 per cent, and Gross Capital Formation (physical asset investment) grew by 6.3 per cent. Meanwhile, Government Final Consumption Expenditure declined by 12.2 per cent.*
8. *Gross Domestic Product (GDP) is a measure of the total value of goods and services produced in a particular period after deducting the cost of goods and services used up in the process of production. The full report*

for the GDP Q1 2026 is available from DEPS's website at www.deps.gov.bn.



জাতীয় পরিকল্পনা ইকোনমিক
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS
Dhaka

GROSS DOMESTIC PRODUCT (GDP) FIRST QUARTER 2026



GDP
GROWTH
0.3%


	Q1 2025 ^r	Q1 2026
Value in BND Million at constant prices	4,913.5	4,926.7
Value in BND Million at current prices	4,820.6	4,761.7

OIL & GAS SECTOR



GROWTH RATE (%)
AT CONSTANT PRICES

4.1%



SHARE (%) AT CURRENT PRICES

NON-OIL & GAS SECTOR

GROWTH RATE (%)
AT CONSTANT PRICES

-3.0%

NON-OIL & GAS SECTOR KEY CONTRIBUTORS



Finance
-6.6%



Business services
-7.8%



Construction
-8.0%

BY KIND OF ECONOMIC ACTIVITY

GROWTH RATE (%)
AT CONSTANT PRICES

-0.6 %



Agriculture,
Forestry & Fishery

2.8 %



Industry

-3.1 %



Services

SHARE (%) AT CURRENT PRICES

58.8%
Industry



40.1%
Services

1.1%
Agriculture, Forestry
& Fishery



deps.gov.bn



info.statistics@jpes.gov.bn



@statistics.jpes

Notation | r: revised